

BAB DUA

PENDIDIKAN SEJARAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA SEMASA PEMERINTAHAN BRITISH (1874 HINGGA 1957)

2.0 Pengenalan

Pendidikan di Tanah Melayu sebenarnya telah bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka abad ke 15, iaitu lama sebelum kedatangan British. Istana menjadi pusat kegiatannya. Ia juga dijadikan tempat pertemuan alim ulama. Mereka ditugaskan menjadi jurutulis, pengarang dan guru. Tugas jurutulis termasuklah menganalisa surat rasmi untuk raja, menggubal perjanjian dan menjadi guru kepada anak-anak raja. Selain itu, guru dan ulama menulis dan menganalisa karya-karya sejarah dan menghasilkan karya-karya kesusastraan Melayu. Mereka juga menterjemah hasil kesusastraan asing daripada bahasa Arab, Moghul dan Parsi ke dalam Bahasa Melayu.

Terdapat beberapa karya kesusastraan yang disadur daripada kesusastraan Arab dan Parsi, seperti *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Muhammmad Ali Hanafiah*, *Hikayat Iskandar Dzulkarnain* dan *Anak Panah Sedasa*. Hikayat-hikayat ini mengisahkan sejarah kepahlawanan dan pejuang-pejuang Islam yang mempunyai semangat keberanian yang tinggi dan patuh kepada ajaran Islam. Semasa Melaka berperang dengan Portugis, *Hikayat Amir Hamzah* telah dibacakan kepada hulubalang-hulubalang di istana raja bagi menaikkan semangat mereka menentang musuh. Terdapat juga hikayat bercorak didaktik yang memberi pengajaran moral dan agama.

Kebanyakannya adalah salasilah Rasul-Rasul dan Ambia. Melalui cara ini pelajaran Islam dapat disebarluaskan. Antara hikayat tersebut ialah *Hikayat Nur Muhammad*, *Hikayat Bulan Berbelah*, *Hikayat Nabi Bercukur*, *Hikayat Bakhtiar*, *Hikayat Nabi Wafat*, *Hikayat Nabi Yusof*, *Hikayat Jumjumiah*, *Hikayat Abu Samah* dan *Hikayat Tamin ad-Dari*.¹

Para guru dan ulama juga menulis dan menterjemah beberapa buah kitab agama Islam. Di Johor Riau, ulama terkenal Raja Ali Haji Ibnu Haji Raja Ahmad, adalah pengarang *Tuhfat-al-Nafis* dan *Silsilah Melayu dan Bugis*. Di Pahang pula, Haji Muhammad Nor telah mengarang *Hikayat Pahang*. Karya-karya tersebut merupakan hasil sastera sejarah yang mendorong pembaca untuk berfikir, berbahas dan menganalisis isinya. Ia juga mempunyai nilai moral dan motif pendidikan dengan penekanannya kepada sifat bekerjasama, sifat berani, nilai-nilai kepahlawanan, kepatuhan kepada ajaran agama dan akhlak yang baik serta murni.²

Di kalangan golongan bangsawan Melayu pula, terdapat mereka yang mempunyai minat yang tinggi terhadap ilmu pengetahuan. Mereka bergiat dalam bidang persuratan dan penulisan dengan menjadikan sastera dan sejarah sebagai sumber masing-masing bertujuan menggambarkan keagungan kesultanan Melayu. Contohnya, Tun Seri Lanang di Johor yang telah mengarang *Sejarah Melayu* dan Raja Chulan Ibnu Raja Hami di Perak yang mengarang *Misa Melayu*. Sultan Ahmad Tajuddin II di Kedah telah menhasilkan *Syair Sultan Ahmad Tajuddin*. Tengku Ampuan Mariam, permaisuri Sultan Terengganu iaitu Sultan Badrul Alam Shah pula telah menghasilkan *Syair Dahulu Kala*, manakala Tengku Dalam Kalthum binti Tengku Khazaki telah

menghasilkan *Syair Tawarikh Zainal Abidin III*.³

Menurut Abdullah Ishak (1980) (dalam Robiah Sidin, 1994), institusi pendidikan dalam masyarakat Melayu wujud dengan tersebar luasnya agama Islam di negara ini pada awal abad ke-15. Penyebaran agama Islam dengan sendirinya memperkenalkan penduduk-penduduk tempatan kepada pendidikan Islam yang berpusatkan institusi rumah, istana, mesjid dan surau. Tujuan utama pendidikan Islam ialah untuk membentuk keperibadian Muslim yang lengkap dalam berbagai aspek bagi menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Oleh itu, unsur-unsur sejarah tersebut dihayati secara umum dan tidak dipelajari di sekolah secara khusus.⁴

2.1 Pendidikan Sejarah Semasa Pemerintahan British

Kepentingan pendidikan dalam hidup orang-orang Melayu telah lama disedari. Pendeta Zaaba (1930)(dalam Robiah Sidin, 1994) berpendapat bahawa pelajaran itu hendaklah dijadikan 'kalimah syahadat' yang awal. Fungsi pendidikan baginya ialah untuk membolehkan orang Melayu mengatur corak dalam haluan hidup. Ia boleh melepaskan orang Melayu daripada 'kemiskinan pekerti dan otak'. Pendidikan juga mempunyai nilai ekonomi dan politik. Pendidikan boleh membangunkan orang-orang Melayu di bidang perusahaan dan pekerjaan di samping meningkatkan nama bangsa di dunia ini.

Pendidikan Sejarah semasa pemerintahan British dilihat dari dua tempoh, iaitu pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua dan zaman selepas Perang Dunia Kedua.

Semasa penjajahan British, tidak terdapat satu sistem pendidikan kebangsaan di Tanah Melayu. Kerajaan British tidak pernah memperkenalkan dasar pendidikan yang seragam. Ini sesuai dengan dasar pecah dan perintah yang diamalkan. Terdapat lima jenis sekolah khusus mengikut kaum-kaum tertentu, iaitu sekolah agama, sekolah Melayu, sekolah Cina, sekolah Tamil dan sekolah Inggeris. Setiap sekolah berkembang secara berasingan tanpa mempunyai matlamat bersama. Pendidikan zaman penjajah mencerminkan aspirasi penguasaan penjajah. Sistem pendidikan secara keseluruhannya hanya untuk memenuhi kepentingan British. Ini jelas digambarkan melalui pengajaran mata pelajaran Sejarah yang dijadikan sebagai saluran propaganda British yang amat berkesan. British memperkenalkan kurikulum Sejarah yang berbeza di antara sekolah-sekolah aliran Inggeris dengan sekolah-sekolah aliran Melayu. Sekolah-sekolah vernakular Cina dan Tamil pula menggunakan kurikulum Sejarah yang berdasarkan kurikulum di Negara China dan India.

2.1.1 Zaman Sebelum Perang Dunia Kedua

Di kalangan masyarakat tempatan, pendidikan adalah lebih bertumpu kepada pendidikan bercorak Islam. Asas rujukan utama ialah Al-Quran. Pada pertengahan abad ke 19, sistem pendidikan sekolah pondok menjadi institusi pendidikan tinggi di Tanah Melayu. Sekolah pondok banyak terdapat di Kelantan, Perak, Kedah, Seberang Prai dan Melaka. Mata pelajaran yang diajar ialah Al-Quran dan hadis, tafsir, fiqah, tauhid, akhlak, mantiq dan sejarah Islam.⁵ Matlamat pendidikan ialah untuk kefahaman agama dan meningkatkan ilmu keagamaan serta keimanan kepada Tuhan Yang Maha Esa. Pengetahuan sejarah Islam dipelajari sebagai usaha untuk mendapatkan ikhtibar dan

A511141543

meningkatkan penghayatan agama.

Tujuan tawarikh atau sejarah Islam dipelajari adalah sebagaimana yang disarankan dalam Al-Quran, Surah Yusuf Ayat 111 yang bermaksud, "Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu (*kisah-kisah Nabi*) terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal." Secara umumnya, kaedah belajar tawarikh Islam di sekolah-sekolah pondok adalah dengan cara 'menadah kitab'. Murid-murid membaca dan kemudiannya tok guru akan menjelaskan isi kandungannya. Setelah dibaca dan dibincangkan, murid-murid juga dikehendaki menghafal. Tidak ada sebarang peperiksaan dijalankan.

Justru, sejarah Islam dipelajari adalah lebih bertujuan untuk memberi kefahaman terhadap perkembangan agama Islam. Ia berperanan bagi mengukuhkan lagi penghayatan terhadap ajaran Islam itu sendiri. Contohnya, mempelajari sejarah para rasul dan nabi-nabi (*Qashashul Anbiyaa'*). Pengetahuan ini adalah dituntut sehubungan sebagai salah satu daripada Rukun Iman, iaitu Beriman Kepada Kenabian dan Para Rasul, terutamanya 25 rasul yang kisah-kisahnya telah diwahyukan oleh Allah S. W. T. di dalam kitab suci Al-Quran.

Pendidikan Sejarah secara formal telah juga dilaksanakan di beberapa buah madrasah. Dari tahun 1929 hingga 1934, Madrasah Khairiyah Al-Islamiah, Pokok Sena, di Kedah telah memperkenalkan mata pelajaran Sejarah Islam. Pengajaran dan pembelajaran di madrasah ini lebih sistematik dan tersusun berbanding dengan keadaannya di sekolah-sekolah pondok sebelumnya. Tokoh yang bertanggungjawab

ialah Tuan Hussain bin Haji Muhammad Nasir, atau dikenali sebagai Tuan Hussain Kedah. Pada tahun 1934, beliau telah menyusun sukanan pelajaran yang mengandungi mata pelajaran seperti Tauhid, Feqah, Bahasa Arab, Hadis Nabi dan Sejarah Islam. Isi kandungan Sejarah Islam adalah bermula dengan kedatangan agama Islam, perkembangannya dan sejarah para nabi dan rasul-rasul.⁶

Sistem pendidikan sekular dinegara ini dilaksanakan secara sistematis oleh pihak British sejak akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Pendidikan Inggeris di Tanah Melayu dimulakan atas usaha badan sukarela kerana dasar British tidak menggalakkan pertumbuhan sekolah Inggeris. Justru itu, pendidikan Inggeris diperkembangkan hasil usaha gigih mualigh Kristian yang melihat pendidikan sebagai saluran mengembangkan agama Kristian.

Mata pelajaran Sejarah mula diperkenalkan di sekolah-sekolah aliran Inggeris pada tahun 1863 di peringkat menengah rendah.⁷ Sukatan pelajaran Sejarah pada masa ini ditentukan oleh Universiti Cambridge. Pada tahun 1891, buat pertama kalinya pelajar di Tanah Melayu mengambil peperiksaan Sejarah di dalam Cambridge Local Examinations. Di sekolah-sekolah aliran Melayu pula, matlamat pembelajaran sejarah adalah supaya dapat memahami budaya Melayu melalui pemahaman hasil-hasil kesusastraan Melayu, terutamanya yang berbentuk hikayat.⁸

Sehingga tahun 1920, terdapat perubahan dasar kerajaan British terhadap pendidikan Inggeris. Kurikulum pendidikan Inggeris dibentuk berdasarkan *Senior Cambridge School Certificate Examination* yang disusun di England. Lulusan

pendidikan Inggeris mempunyai nilai dan peluang pekerjaan yang cerah dalam perkhidmatan awam dan swasta. Sekolah-sekolah Inggeris berkembang meluas dengan memiliki kepentingan dan kedudukan yang tinggi mengatasi sekolah-sekolah vernakular yang lain.

Dasar pecah dan perintah yang diamalkan oleh British diperkuuhkan lagi dengan pengenalan mata pelajaran Sejarah secara berasingan di antara sekolah Inggeris dan sekolah Melayu. Pemerintah British tidak memberi penekanan terhadap mata pelajaran Sejarah, sebaliknya menganggapnya sebagai mata pelajaran tambahan. Kurikulum Sejarah di sekolah-sekolah Inggeris di Negeri-Negeri Selat tertumpu kepada mempelajari sejarah dunia berteraskan tamadun barat, iaitu tamadun Yunani dan Rom. Selain daripada itu, sejarah Britain juga di beri tempat yang penting dalam kurikulum Sejarah.

Walau bagaimanapun, menurut Khoo Kay Kim (1992:15), "*Tidaklah begitu jelas sepanjang masa pihak British mentadbir negara ini hingga Perang Dunia Kedua, apakah butir-butir sukatan pelajaran Sejarah di sekolah rendah dan menengah... .*" . Apa yang pasti, tujuan mata pelajaran Sejarah diperkenalkan adalah untuk kepentingan politik penjajah semata-mata. British berusaha mewujudkan penduduk tempatan yang menghormati dan memahami budaya British. Mereka percaya bahawa jika orang tempatan tidak mengenali budaya British (Sejarah British), hubungan antara pihak pentadbir dengan golongan yang di tadbir menjadi renggang. Peristiwa *Indian Mutiny* (Dahagi India) yang berlaku pada tahun 1857, telah memaksa pihak British mengkaji semula dasarnya di India, dan ini mempengaruhi dasarnya terhadap wilayah-wilayah lain

yang dikuasainya, termasuklah Tanah Melayu.

Dasar pelajaran Melayu penjajah bertujuan sekadar menghapuskan buta huruf. Ini diperkuatkan lagi dengan pernyataan di dalam *Annual Report* dipetik dari George Maxwell (1920) seperti berikut, "*... tujuan kerajaan bukanlah hendak mengadakan segelintir pemuda-pemuda yang berpendidikan baik melainkan untuk memperbaiki keadaan penduduk terbesar menjadikan anak-anak nelayan atau petani itu seorang nelayan dan petani yang lebih cerdik daripada bapanya. Menjadikan ia menginsafi keberuntungannya dalam hidup ini adalah sesuai dengan cara hidup disekelilingnya.*" (Awang Had Salleh, 1974, hal. 5). Tumpuan pendidikan pada masa ini ialah mengajar menulis, membaca dan mengira serta kegiatan amali dikebun sayur. Pendidikan di maktab dikhaskan untuk mengkaji asas pertanian dan belajar membentuk kebiasaan yang baik, menjaga kebersihan dan menepati masa.⁹

Kurikulum sekolah-sekolah vernakular Melayu dibataskan sesuai dengan cita-cita British memberi pendidikan asas, bermaksud menyediakan anak-anak Melayu untuk menggantikan bapa-bapa mereka sebagai pemandu kereta lembu, pananam padi dan nelayan. Dasar penjajahan Inggeris cuba menekan aspirasi orang Melayu dengan menyekat peluang mereka untuk mengembangkan bakat. Ini jelas terbukti apabila Inggeris tidak bercadang mewajibkan pelajaran Inggeris kepada kanak-kanak Melayu. Inggeris tidak mahu orang Melayu mendapat pelajaran tinggi.¹⁰

Perkembangan sekolah Melayu sejak tahun 1916 pada peringkat awal adalah tertumpu kepada sekolah peringkat rendah sahaja. Satu-satunya pelajaran menengah

yang dianjurkan oleh R.O. Winstedt, Penolong Pengarah Pelajaran Negeri-Negeri Selat Tanah Melayu, ialah dalam bentuk sebuah maktab perguruan bertujuan membekalkan guru-guru bagi sekolah-sekolah rendah Melayu. Selepas Perang Dunia Pertama, berlaku perubahan sikap di kalangan orang Melayu untuk menghantar anak-anak ke sekolah-sekolah sekular aliran Melayu. Hasilnya, ini membawa kepada perubahan corak latihan guru.¹¹

Perubahan ini digambarkan melalui Penyata Tahunan Kelantan tahun 1921, yang menyebut bahawa, "*... hasrat kepada pelajaran umum dirasakan di seluruh negeri, dan permintaan-permintaan adalah sentiasa sahaja datang daripada penduduk kampung yang meminta supaya dibuka sebuah sekolah dan dibekalkan seorang guru.*" (Annual Report, Kelantan, 1921:9). Pada tahun 1928, Penyata Tahunan Kedah juga menyatakan, "*... banyak betul pertanyaan-pertanyaan diterima dari orang-orang kampung dalam daerah yang berbeza supaya dibenarkan mereka mendirikan sekolah sendiri, asal sahaja kerajaan sanggup membekalkan perabot dan guru-guru.*" (Annual Report, Kedah, 1928:11). Dalam Penyata Tahunan Johor tahun 1931 pula, ada menyebut bahawa, "*... Satu hal yang istimewa bagi tahun ini ialah minat yang sungguh-sungguh yang ditunjukkan oleh ibu bapa terhadap sekolah-sekolah. Lima buah kampung menawarkan bangunan dan lebih banyak lagi menawarkan gaji untuk guru-gurunya.*" (Annual Report, Johor, 1931:23).

Demikian perubahan pesat sikap ibu bapa Melayu terhadap pelajaran. Masalah utama yang dihadapi di sekolah-sekolah Melayu ialah untuk mendapatkan guru-guru terlatih. Bilangan sekolah-sekolah Melayu terus bertambah sedangkan kemudahan-

kemudahan latihan perguruan adalah amat terhad. Maktab yang mula-mula didirikan ialah Maktab Melayu Singapura pada tahun 1878. Tetapi pada tahun 1895, maktab ini ditutup dan dua buah maktab didirikan di Semenanjung iaitu di Melaka dan di Taiping. Maktab di Taiping berfungsi selama dua tahun sahaja. Kemudian pada tahun 1913, sebuah maktab lagi diwujudkan di Matang, Taiping.

Akhirnya, pada tahun 1922 dua maktab ini digabungkan menjadi Maktab Perguruan Pusat dengan nama Sultan Idris Training College (SITC) di Tanjung Malim, Perak. Kemudian pada tahun 1935, tertubuhlah Maktab Perguruan Melayu Melaka yang melatih guru-guru perempuan. Penubuhan SITC adalah atas cadangan R.O. Winstedt sekembalinya dari lawatan beliau ke Jawa dan Filipina pada tahun 1916. Pendidikan peringkat menengah pada zaman penjajahan British adalah untuk melahirkan guru-guru yang akan mengajar di sekolah rendah. Fokus utama adalah kepada membasmi buta huruf dan melatih kemahiran-kemahiran tangan dan pertukangan sebagai persediaan untuk menjadi petani, nelayan dan tukang-tukang di peringkat rendah. Pendidikan pada zaman tersebut tidak menjurus ke arah perkembangan intelek dan kemahiran berfikir yang mengandungi nilai-nilai murni untuk melahirkan generasi yang cintakan tanahair sendiri.

Sistem pendidikan Melayu zaman penjajahan British adalah bertujuan mengukuhkan penguasaan kolonial serta memudahkan urusan pentadbirannya. Ini dapat dilihat daripada sebab-sebab sistem pelajaran diperkenalkan. Ia antara lain bermaksud mendidik anak-anak Melayu supaya menetap di kampung. Pentadbir Inggeris bimbang pendidikan Inggeris akan menimbulkan kesedaran politik serta menyebabkan

mereka bercita-cita tinggi. Ini dapat dikesan daripada pernyataan berikut:

"... mengajar kanak-kanak membaca dan nulis dalam bahasa ibunda mereka atau dalam bahasa Melayu... ... kita akan terselamat"
(Perak Government Gazette, 6 Julai, 1894)

Pada peringkat awalnya, pendidikan sejarah yang diperkenalkan di sekolah-sekolah aliran Melayu tidak dapat dipisahkan daripada pelajaran kesusasteraan Melayu klasik seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Melalui Laporan Winstedt (1917), terdapat perbezaan di antara konsep sejarah atau tawarikh dengan hikayat. Winstedt mencadangkan supaya pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang berasaskan hikayat-hikayat ini digantikan dengan sejarah yang lebih bersifat saintifik. Beliau berpendapat bahawa *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* menggabungkan fakta dengan unsure-unsur mitos dan lagenda. Jadi, ia perlu ditukar kepada peristiwa-peristiwa dan fakta-fakta sejarah yang diperolehi daripada penyelidikan yang berlandaskan bukti-bukti sebenar.

Pada tahun 1916, R.O. Winstedt telah mengkaji sistem pelajaran anak-anak negeri dan pelajaran perusahaan anjuran kerajaan kolonial Belanda di Jawa dan pemerintahan Sepanyol di Filipina. Hasil lawatannya, terbitlah Laporan R.O. Winstedt yang dikemukakan kepada Majlis Undang-Undang Negeri-Negeri Selat tahun 1917. Beliau telah mencadangkan supaya mata pelajaran Sejarah tidak diajar di sekolah-sekolah rendah kerana ia dianggap boleh memberi pengaruh yang membahayakan kedudukan pihak British sebagaimana yang terdapat dalam petikan berikut, " ... *Dasar Belanda menggugurkan mata pelajaran sejarah dari jadual waktu sekolah-sekolah rendah hendaklah dianuti. Mengajar Sejarah Melayu ... cerita-cerita dongeng yang*

dianggap sebagai sejarah dalam cerita-cerita sejarah Melayu adalah membahayakan."" (Laporan Winstedt, 1917). Seterusnya, Winstedt telah mencadangkan supaya sistem di Hindia Timur Belanda dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah di Tanah Melayu.

Sehubungan ini, pihak British tidak menekankan pendidikan sejarah tempatan di kalangan masyarakat di Tanah Melayu kerana ini dikhawatir boleh menggugat kepentingan politik dan ekonominya. Falsafah pendidikan sejarah di sekolah-sekolah Melayu ialah supaya orang Melayu memahami budaya Melayu dari perspektif orang Barat. Oleh itu, pembelajaran sejarah melalui hasil-hasil kesusastraan Melayu yang ditulis oleh R. J. Wilkinson, penggiat kesusastraan dan kebudayaan Melayu, diperkenalkan. Ini jelas digambarkan oleh Laporan R. O. Winstedt (1917:99) seperti berikut:

"...Oleh kerana pengajaran sejarah dan ilmu alam di maktab-maktab perguruan Melayu tidak bererti, maka dikehendaki menggunakan buku-buku teks yang baru. Sementara itu, sejarah hendaklah diajar dari risalah dalam siri Paper on Malayan Subject oleh Wilkinson, ... dan jangan dipelajari yang lain."

Pada tahun 1918, mata pelajaran Tawarikh telah di perkenalkan dalam kursus latihan perguruan di Maktab Perguruan Melayu Melaka. Langkah ini adalah bagi memenuhi keperluan guru-guru sejarah terlatih untuk mengajar mata pelajaran tersebut di sekolah-sekolah Melayu. Seterusnya, Winstedt mencadangkan supaya pengajaran Tawarikh di maktab-maktab perguruan menggunakan buku bersiri dalam Bahasa Inggeris berjudul *Papers on Malay Subjects* (1907) oleh R. J. Wilkinson sehingga buku-buku teks dalam Bahasa Melayu diterbitkan.¹² Bahagian Satu buku Wilkinson menyentuh tajuk-tajuk seperti *Life and Costume, The Incidents of Malay Life, The Peninsular Malays, Malay Literature, Malay Government and Law, Malay History* dan

Malay Industries. Bahagian Dua pula terdiri daripada tajuk-tajuk seperti *Event Prior to British Ascendancy*, *Notes on Perak History and Selangor*, *Introductory Sketch on Law* dan *Notes on the Negeri Sembilan*. Selain daripada itu, Winstedt dengan dibantu oleh Daim Abdul Hamid Tengku Muhammad Salleh juga telah menulis buku teks dalam Bahasa Melayu berjudul *Kitab Tawarikh Melayu* (1918) yang telah digunakan di maktab-maktab perguruan dan sekolah-sekolah.

Mata pelajaran Sejarah hanya diperkenalkan di sekolah-sekolah aliran Melayu mulai tahun-tahun 1930an, selaras dengan dasar yang dilaksanakan oleh penjaja Belanda di Indonesia. British mempunyai falsafah yang berbeza terhadap sekolah-sekolah aliran Melayu yang mahukan orang Melayu dididik dan diasuh untuk menjadi orang Melayu tradisional.

Walaupun R.O. Winstedt menganjurkan supaya pelajaran Sejarah di SITC didasarkan kepada kumpulan karangan Wilkinson, tetapi sukanan pelajaran Sejarah di maktab itu menetapkan supaya buku-buku berikut digunakan: (i) *Sejarah Alam Melayu Buku 1-5*; (ii). *Tawarikh Melayu*, dan (iii). *Sejarah Alam Melayu V* - sebagai buku rujukan.

Mata pelajaran Tawarikh dan Hikayat diajar selama 45 minit setiap waktu seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Waktu Mengajar Mata Pelajaran Sejarah di SITC

| Peringkat | Jumlah Waktu | Masa |
|-----------|--------------|-----------|
| Tahun 1 | 3 waktu | 135 minit |
| Tahun 2 | 2 waktu | 90 minit |
| Tahun 3 | 3 waktu | 135 minit |

(Sumber: Education Code, Part V. 1936:33)

Kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah di bilik darjah tertumpu kepada aktiviti-aktiviti membaca dan menghafal fakta-fakta yang terdapat dalam buku teks Sejarah. Menurut Tuan Haji Umar bin Dawi (2002), yang ditemubual oleh penulis, " ... *Pembelajaran Tawarikh adalah bersifat sehala, di mana guru memberi nota dan murid menyalin untuk di hafal sebagai bekalan semasa menjawab soalan peperiksaan. Ini menyebabkan ramai pelajar merasa bosan dan tidak berminat mempelajari Tawarikh dibandingkan dengan mata pelajaran Ilmu Alam.*" Terdapat juga aktiviti luar bilik darjah seperti drama dan syaranan. Pelajar-pelajar juga digalakkan mengkaji, mempelajari bahasa, kebudayaan dan kesusasteraan, serta sejarah bangsa mereka. Hasilnya, matapelajaran Sejarah telah dikenalpasti sebagai salah satu mata pelajaran yang memberi sumbangan besar terhadap pertumbuhan semangat kebangsaan di kalangan penuntut di SITC.

Pada tahun 1920an, buku-buku teks di atas telah digantikan dengan buku *Sejarah Alam Melayu Jilid I, II dan III* (History of the Malay World) yang ditulis oleh Abdul Hadi bin Haji Hassan, seorang lulusan Maktab Perguruan Melayu Melaka yang kemudiannya menjadi tenaga pengajar di Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC),

Tanjong Malim, Perak. Buku tersebut digunakan sebagai buku teks di sekolah-sekolah Melayu sehingga kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957, di samping buku *Sejarah Alam Melayu Jilid IV & V* yang ditulis oleh Buyong Adil pada tahun 1934 dan 1940, iaitu murid kepada Abdul Hadi bin Haji Hassan.

Buku-buku dalam siri *Sejarah Alam Melayu Jilid I-V* ini menyentuh tajuk-tajuk mengenai asal-usul penduduk Tanah Melayu, iaitu orang Melayu asli dan nenek-moyang orang Melayu. Tanah Melayu juga menjadi tumpuan orang-orang dari Sumatera dan orang-orang Hindu. Tajuk-tajuk lain yang dibincangkan adalah tentang kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu, bermula daripada perkembangan agama Islam di Tanah Arab hingga kepada penyebaran agama Islam di kalangan penduduk di Tanah Melayu. Buku-buku ini juga menyentuh mengenai kerajaan-kerajaan Melayu awal, seperti kerajaan Singapura, Melaka dan Johor. Tanah Melayu juga menjadi tumpuan orang-orang Siam, China dan kuasa-kuasa Eropah seperti Portugis dan Belanda. Di jilid terakhir membincangkan tentang kedatangan orang-orang Inggeris ke Negeri-Negeri Selat dan negeri-negeri Melayu seperti Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.

Pengajaran Sejarah di sekolah-sekolah aliran Melayu dan di maktab-maktab perguruan pada masa ini, adalah lebih berorientasikan Melayu, yakni ia berfokuskan kepada sejarah Tanah Melayu dan dunia Melayu. Ini adalah berbeza dengan keadaan di sekolah-sekolah aliran Inggeris yang lebih bersifat *Anglo-centric*. Contohnya, di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK), di mana penekanan lebih diberikan kepada persoalan mempelajari sejarah England dan Empayar British dan Eropah. Hanya pada

tahun 1938, barulah diperkenalkan pengajaran sejarah Empayar British dalam kurikulum pendidikan sejarah di SITC.¹³

Kurikulum Sejarah di sekolah-sekolah Melayu dan di maktab-maktab perguruan juga menggunakan buku teks *Sejarah Alam Melayu* dan *Sejarah Tanah Melayu* oleh R. O. Winstedt. Kandungan buku *Sejarah Alam Melayu* membincangkan sejarah Negeri-Negeri Selat, pembukaan Singapura, Pulau Pinang dan Melaka. Buku-buku ini adalah berasaskan sumber-sumber rujukan yang ditulis oleh penulis-penulis Barat, seperti W. E. Makepeace, Dr. G. E. Brooke dan Roland Braddell yang menulis buku *One Hundred Years of Singapore (Vol. I & II)*, *British Malaya* oleh F. A. Swettenham, *Treatise and Engagements* oleh W. G. Maxwell dan W. S. Gibson, *Malaya* oleh R. O. Winstedt, *Sir Stamford Raffles* oleh Bethume Cook, *Descriptive Dictionary of British Malaya* oleh N. B. Dennys, *Malay Peninsular* oleh A. Wright dan T. H. Reid, *British Malaya* oleh L. A. Mills, dan *Early History of Prince of Wales Island* oleh F. G. Stevens.¹⁴

Buku-buku di atas ini adalah antara langkah awal oleh Winstedt untuk mengubah pendekatan pembelajaran sejarah daripada cara tradisi, yang lebih menekankan hikayat-hikayat Melayu, kepada bentuk pendekatan sejarah yang berlandaskan fakta-fakta dokumentasi empirikal. Walau bagaimanapun, oleh kerana buku-buku sejarah tempatan ini tidak lari daripada mengambil bahan-bahan daripada sumber-sumber rujukan oleh penulis barat, mereka masih tidak terlepas daripada melihat aspek sejarah tempatan mengikut perspektif orang Barat terhadap Tanah Melayu.

Selain itu, dari tahun 1936 hingga 1939 terdapat tiga buah buku sejarah yang

telah diterbitkan oleh Pejabat Karang Mengarang SITC, iaitu *Tawarikh Melayu* (S.N.4), *Kesah Tanah Melayu* (S.N.49) dan *Stamford Raffles* (S.N.55). Buku-buku ini turut digunakan di sekolah-sekolah Melayu hingga tahun 1957.

Terdapat buku-buku Sejarah yang diterbitkan oleh Biro Terjemahan di SITC dijadikan bahan-bahan bacaan tambahan. Buku-buku tersebut dapat memberi gambaran tentang kehidupan orang-orang di negara lain, perjalanan dan pengembalaan, kisah model tentang hidup hero-hero dunia, pengembara-pengembara, penemu-penemu, pereka, pelukis dan ahli fikir. Contohnya buku berjudul *Matahari Memancar* terjemahan dari karya Mustafa Kamil, seorang pemimpin nasionalis Mesir mengenai sejarah orang-orang Jepun, yang dapat menimbulkan di kalangan pembaca-pembaca satu kebanggaan dan harapan bangunnya semula orang-orang Oriental malah orang-orang Melayu sendiri.¹⁵ Pelatih-pelatih di Maktab Melayu Johor (1926) juga menggunakan buku yang sama untuk menimbulkan rasa kebanggaan dan harapan untuk membangun semula orang-orang Melayu.

Walau bagaimanapun, R.O. Winstedt amat berhati-hati terhadap mata pelajaran Sejarah kerana ia amat bergantung kepada penafsiran yang dikhuatiri akan menggugat kedudukan penjajah British di Tanah Melayu dan ini terbukti berkesan di SITC. Cadangan beliau supaya pelajaran Sejarah dihapuskan sama sekali adalah memperlihatkan keseluruhan kehendak pentadbiran kolonial British pada zaman itu. Hal ini melambangkan kebimbangan beliau terhadap arus kebangkitan nasionalisme di kalangan pelajar. Walaupun langkah-langkah dibuat ke arah ini, tetapi pada hakikatnya, pelajaran Sejarah yang diajar itu telah berjaya menyumbang terhadap munculnya bibit-

babit semangat kebangsaan di kalangan pelajar-pelajar dan pensyarah di maktab tersebut pada masa itu.

Mata pelajaran Sejarah telah dikenalpasti sebagai satu mata pelajaran yang memberi sumbangan besar terhadap pertumbuhan semangat kebangsaan di kalangan penuntut-penuntut SITC. Pengajaran mata pelajaran Sejarah diteruskan atas daya usaha individu-individu yang mempunyai kesedaran terhadap nasib bangsa dan tanahair. Secara tidak langsung, penerapan pendidikan Sejarah dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti luar bilik darjah. Antara tokoh-tokoh yang terlibat ialah Abdul Hadi Hassan, Cikgu Buyong Adil, Shaharom Hussain, Aminuddin Baki dan lain-lain.¹⁶

Selain dari buku teks yang bersifat kebangsaan, cara pengajaran mata pelajaran Sejarah di bilik-bilik darjah memberi kesan yang mendalam kepada penuntut-penuntut di SITC. Abdul Hadi amat gemar membuat penuntut-penuntutnya insaf akan keburukan orang Melayu sebagai bangsa yang terjajah. Faktor-faktor kejatuhan kerajaan-kerajaan atau empayar-empayar Melayu sering digunakan oleh Abdul Hadi bagi menyedarkan penuntut-penuntutnya betapa mahal harga yang mesti dibayar oleh bangsa kerana ketiadaan perpaduan. Ini ditegaskan juga oleh Tuan Haji Umar bin Dawi, bekas penuntut SITC, yang ditemubual oleh penulis pada 7hb. Oktober, 2002 di Tanjung Malim, Perak.

Beliau seterusnya mengakui, melalui pelajaran Tawarikh, sedikit-sebanyak dapat menimbulkan babit-babit kesedaran dan perasaan cintakan tanahair. Contohnya, di bawah tajuk *Kedatangan Kuasa Eropah Ke Tanah Melayu* dalam buku *Sejarah Alam*

Melayu Jilid III. Tajuk ini menyedarkan pelajar bahawa kedatangan penjajah adalah semata-mata untuk mendapatkan hasil kekayaan dan bukan bertujuan untuk memajukan Tanah Melayu. Lebih-lebih lagi, pembesar-pembesar Melayu yang menentang tindak-tanduk Inggeris dituduh sebagai penderhaka.

Guru-guru seperti Harun Aminurrashid memberi syarahan tentang sejarah pemimpin-pemimpin terkenal dari timur seperti Chiang Kai Shek, Sun Yat Sen, Jose Rizal, Mahatma Gandhi dan lain-lain pejuang kemerdekaan masing-masing. Jelas bahawa Harun Aminurrashid bukan mengajar Sejarah semata-mata tetapi beliau telah turut menanam bibit-bibit nasionalisme di kalangan penuntut-penuntut. Bahan-bahan bacaan yang digunakan oleh penuntut-penuntut ialah majalah seperti *Soeloeh Rakyat Indonesia, Semangat Islam, Seruan Azhar, Bintang Timur, Bintang Hindia* dan lain-lain. Selain daripada itu, buku-buku dari Indonesia juga dibaca seperti buku *Student Indonesia di Eropah* oleh Dr. A. Rivai (1828), *Riwayat Penghidupan Dr. Soetomo dan Perjuangannya* dan *Pacar Merah* dibaca oleh beberapa orang penuntut dan guru-guru di SITC.¹⁷

Seorang lagi pensyarah Ilmu Tawarikh di SITC iaitu Shaharom Hussain telah berjaya menggabungkan peristiwa-peristiwa sejarah ke dalam bentuk novel dan drama. Di samping mengajar beliau turut membakar semangat nasionalisme di kalangan orang Melayu dengan mengarang novel bersiri seperti *Sepuluh Julai Lima Belas Sebelas, Tun Fatimah, Korban Sungai Muar* dan *Bermandi Darah di Sungai Johor*. Tujuan beliau menulis novel-novel sejarah adalah semata-mata untuk menjadikan pengajaran kepada orang Melayu agar sejarah suka duka zaman silam tidak berulang.¹⁸ Novel-novel ini

dipentaskan dalam bentuk drama sejarah perjuangan. Di sini, diselitkan kata-kata yang dapat membangkitkan semangat perjuangan orang Melayu.

Penghijrahan masuk beramai-ramai buruh dari China dan India telah memberi kesan terhadap dasar pelajaran British. Selaras dengan dasar pecah dan perintah, British telah membenarkan pertumbuhan sekolah-sekolah vernakular China dan Tamil. Sekolah-sekolah Cina mengamalkan pelajaran yang sealiran dengan sistem sekolah di Tanah Besar China. Tumpuan pelajaran adalah kepada ajaran-ajaran klasik Cina dan bersifat hafalan. Menurut Purcell (1967:56), "*...kursus sekolahnya mengandungi kegiatan hafalan buku-buku falsafah keagamaan dan kegiatan menulis berbagai-bagai bentuk huruf bahasa China sebagai latihan untuk pergerakan tangan. Pada peringkat kedua aktiviti menterjemah buku ke dalam bahasa pertuturan serta belajar mengarang.*"

Pengaruh perkembangan politik yang berlaku di negara China antara tahun 1905 hingga 1911 telah memberi kesan terhadap perkembangan sekolah Cina di seberang laut. Kumpulan reformasi dan revolusiner Cina telah datang ke Tanah Melayu untuk melihat sekolah-sekolah Cina di Singapura dan Tanah Melayu. Pada tahun 1901, Kerajaan Mancu menghadapi pergolakan politik. Untuk mendapatkan sokongan dan menanamkan perasaan taat setia dari orang Cina seberang laut, Kerajaan Mancu telah campurtangan dalam pendidikan Cina. Guru-guru terlatih dari Universiti Beijing telah dihantar untuk mengajar di sekolah Cina seberang laut. Buku-buku teks juga dimport dan dicetak di Negara China. Kadangkala inspektor sekolah dari China dihantar ke Tanah Melayu untuk mengawasi sama ada sekolah-sekolah Cina itu mematuhi dasar yang ditetapkan di negara mereka.¹⁹

Sehingga berakhirnya Perang Dunia Kedua, sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu mengekalkan kebebasan dan autonomi mereka, serta menikmati suasana yang seakan-akan terdapat di negara asal mereka. Sekolah-sekolah ini seolah-olah merupakan sebuah "Negara China yang kecil" bagi masyarakat Cina seberang laut. Campurtangan politik ini telah mengubah kurikulum sekolah. Mata pelajaran yang diajar ialah Klasik China, Sejarah Negara China, Ilmu Alam, Tatasusila, Sains, Bahasa, Ilmu Kira-Kira, Lukisan dan Nyanyian, serta Senaman.²⁰

British telah membenarkan matapelajaran Sejarah diajar di sekolah-sekolah Cina. Penekanan diberi kepada sejarah orang Cina dan orang Cina di luar negara. Menurut Laporan Fenn-Wu (1946), 50% peratus kurikulum Sejarah di sekolah-sekolah aliran Cina adalah berpusat di sekitar sejarah negara China, 25% sejarah luar negara China dan tempat-tempat lain yang berkaitan dengan China, dan 25% sejarah dunia.

Demikian juga halnya dengan perkembangan sekolah vernakular Tamil yang ditubuhkan di Tanah Melayu. Perkembangan pendidikan vernakular Tamil bermula akibat kepesatan kemasukan buruh-buruh India pada abad ke-20. Seiring dengan dasar British yang tidak menggalakkan pendidikan untuk kaum imigran, pendidikan vernakular Tamil diusahakan oleh orang perseorangan dan badan sukarela terutamanya badan mubaligh Kristian. Pada tahun 1850, sekolah Anglo-Tamil dibuka di Melaka. Menjelang tahun 1870, beberapa buah sekolah mengajar bahasa Tamil dibuka di Seberang Perai dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Bermula tahun 1900, terdapat perubahan dasar terhadap pendidikan vernakular Tamil apabila kerajaan British mengambil tanggungjawab membina bangunan bagi sekolah-sekolah Tamil di Perak dan Negeri

Sembilan. Di samping itu terdapat juga usaha-usaha untuk memberi pendidikan Tamil di bandar-bandar seperti Sekolah Thambusamy Pillai yang dibuka pada tahun 1906 dan Sekolah Vivekananda pada tahun 1910 di Kuala Lumpur.²¹

Menjelang tahun 1912, Ordinan Buruh Negeri-Negeri Melayu telah menetapkan bahawa sebuah sekolah hendaklah didirikan disetiap ladang getah yang mempunyai sepuluh atau lebih kanak-kanak yang berumur sepuluh hingga dua belas tahun. Di bawah Ordinan ini juga kerajaan British meletakkan tanggungjawab pendidikan anak-anak kaum India yang bekerja di ladang kepada majikan masing-masing. Sebahagian besar sekolah-sekolah ini menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar di samping terdapat juga yang menggunakan bahasa Telegu, Hindi, Gujarati, Malayalam, Punjabi, Sinhalese atau Gurkhali. Selain mengajar kemahiran asas membaca, menulis dan mengira, mata pelajaran ilmu alam, lukisan, kerja tangan, pengetahuan am dan latihan jasmani juga diajar. Semua buku teks, kurikulum dan guru-guru terlatih dibawa masuk dari India. Kebanyakan sekolah-sekolah Tamil ini menawarkan pendidikan hingga darjah empat dan terdapat sebilangan kecil sahaja hingga ke darjah enam.

Selepas Perang Dunia Kedua, sebelum merdeka, pengajaran dan pembelajaran sejarah di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil masih lagi berorientasikan Barat. Beliau memberikan contoh Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Bayan Lepas, Pulau Pinang. Mata pelajaran Ilmu Tawarikh telah diajar di Darjah Empat dan Lima. Tumpuan utama diberikan kepada mempelajari sejarah British di Tanah Melayu dan Sejarah Hubungan Di Antara Negeri-Negeri Melayu Dan Benua India.²²

Jelas dilihat bahawa perkembangan sekolah vernakular telah berjalan mengikut aliran dan hala tuju masing-masing. Penjajah British sengaja membiarkan perkara ini berlaku sehingga ia merasa terancam bilamana sekolah-sekolah vernakular ini mula menggugat kedudukan Inggeris. Sistem persekolahan vernakular telah meninggalkan kesan negatif yang berpanjangan kepada masyarakat Malaysia seperti berikut:

"Gambaran jelas tentang corak masyarakat Melayu ketika itu berterusan hingga kini, dengan hanya sedikit perubahan iaitu pemisahan budaya yang disengajakan." (Abu Zahari, 1984:36)

Tegasnya, pada zaman pemerintahan British di Tanah Melayu tidak ada satu dasar pelajaran yang mempunyai tujuan dan matlamat yang sama, sebaliknya terdapat lima jenis sistem persekolahan. Setiap jenis sekolah menggunakan bahasa pengantar masing-masing. Bekalan buku teks dan guru-guru dibawa masuk dari negara-negara luar seperti Timur Tengah, China, India dan England. Kurikulum sekolah-sekolah ini amat berbeza dan tidak sehaluan. Justru itu, pelajaran Sejarah atau Tawarikh adalah berkiblatkan sejarah negara-negara tersebut, selari dengan matlamat pendidikan di sekolah-sekolah berkenaan. Di sekolah-sekolah vernakular Melayu pula, tumpuan diberikan kepada memperolehi kemahiran-kemahiran asas, dan kurang penekanan diberikan kepada pelajaran Sejarah.

2.1.2 Zaman Selepas Perang Dunia Kedua

Selepas Perang Dunia Kedua tidak berlaku perubahan besar dalam kurikulum pendidikan Sejarah. Sukatan pelajaran sekolah Melayu antara tahun 1940 hingga 1950 adalah mengikut sukanan pelajaran yang terdapat dalam Peraturan Am Bagi Sekolah-

Sekolah Melayu Tahun 1938. Mata pelajaran Tawarikh diperkenalkan kepada pelajar Darjah Empat hingga Enam. Kandungan pelajaran berasaskan kepada buku *Sejarah Alam Melayu Jilid I-V*. Menjelang tahun 1951, sukanan pelajaran Ilmu Tawarikh telah mula di ajar dari Darjah Satu hingga Darjah Enam. Sukanan pelajaran untuk Darjah Satu, Dua dan Tiga ialah berkisar tentang *Kisah-Kisah Orang Tua Bertanam Kelapa, Cara-Cara Menentukan Umur Seseorang, Cerita-Cerita Am Bahmerah, Cerita-Cerita Penderhakaan Tok Janggut, Pahlawan Hang Tuah dan Hang Jebat*. Kandungan sukanan pelajaran Darjah Empat ialah *Sejarah Raja-Raja Negeri Melayu*, iaitu Kelantan dan Perak, *Perluasan Kuasa Jajahan Siam dan Inggeris*, serta *Penderhakaan Tok Janggut*. Sukanan pelajaran Darjah Lima dan Enam juga berasaskan buku *Sejarah Alam Melayu Jilid I-V*.

Selepas Perang Dunia Kedua, selain daripada mengekalkan Sejarah Dunia dan Sejarah Britain, pihak British juga memperkenalkan Sejarah Empayar British (Sejarah Komanwel) dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah. Ini kerana pihak British merasakan perlu memperlihatkan Britain sebagai negara yang berperikemanusiaan, bertamadun dan bertujuan mulia. Sejarah juga diajar secara tidak langsung melalui buku-buku bacaan yang membincangkan tokoh-tokoh utama dalam sejarah dunia, seperti yang terdapat dalam tamadun Yunani zaman purbakala seperti Hercules, Zeus, Atlas dan Achilles.²³

Pada masa ini, perspektif sejarah para pendidik telah berubah kerana Amerika Syarikat memaksa negara-negara kolonial lain mengutamakan kemerdekaan negara-negara yang dijajah, di samping dasar demokrasi yang ditekankan oleh Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Dalam konteks politik baru ini, aspek sejarah Tanah Melayu mula diutamakan dan mendapat perhatian. Pada tahun 1949, Jabatan Sejarah Universiti Malaya telah menggalakkan penyelidikan tentang sejarah Tanah Melayu.

Hasil daripada perkembangan ini, telah berlaku perubahan dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah. Sungguhpun pada dasarnya Sejarah Britain, Sejarah Empayar British dan Sejarah Dunia masih dipentingkan, tetapi terdapat perubahan di mana kertas Sejarah Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Timur diperkenalkan di peringkat pra-universiti (Post-School Certificate dan kemudiannya High School Certificate). Perubahan ini menunjukkan bahawa sejarah Asia mula mendapat tempat dalam kurikulum pendidikan sejarah di sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Walau bagaimanapun, oleh kerana sukatan pelajaran Sejarah digubal oleh pegawai-pegawai British dalam perkhidmatan pendidikan, maka tidak ada perubahan dari segi perspektif tentang sejarah Tanah Melayu. Ini adalah kerana buku-buku teks yang ditulis, umpamanya seperti buku *Sejarah Tanah Melayu* (1918) adalah berpandukan kepada tulisan R. O. Winstedt yang dianggap sebagai pakar sejarah Tanah Melayu. Oleh yang demikian, terdapat desakan supaya buku-buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah ditulis semula mengikut perspektif tempatan.²⁴

Tarikh 21hb. November, 1952 tercatat di dalam sejarah sebagai hari pengasasan pembentukan Malaya. Pada hari tersebut Rang Undang-Undang Pendidikan yang baru telah diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan Malaya. Ia membawa perubahan menyeluruh terhadap struktur dan organisasi sistem pendidikan di seluruh negara. Rang

Undang-Undang Pendidikan ini juga menggariskan beberapa prinsip asas bagi kurikulum Sejarah yang digunakan di sekolah-sekolah.²⁵

Ordinan Pelajaran 1952 yang digubal mempunyai beberapa objektif seperti berikut:

- "(a). *untuk memupuk pertumbuhan individu menuju yang terbaik dalam pemerolehan ilmu, kemahiran dan sifat-sifat kendiri;*
- (b). *untuk menggalakkan dan membenarkan setiap kumpulan komuniti menikmati segala kemudahan yang sama dengan kumpulan komuniti lain dalam masyarakat majmuk di Malaya;*
- (c). *untuk membantu pembentukan sebuah negara Malaya bersatu yang terdiri daripada semua kumpulan warganegara."*

Untuk mencapai objektif-objektif di atas, Ordinan tersebut mencadangkan penubuhan sekolah-sekolah kebangsaan di mana setiap warganegara diwajibkan menjalani pendidikan sekolah rendah secara percuma selama enam tahun, iaitu dari umur enam hingga dua belas tahun dan seterusnya menerima pendidikan lanjut di peringkat menengah, selaras dengan kebolehan dan kemahiran masing-masing.

Sekolah-sekolah kebangsaan itu terdiri daripada dua jenis: sekolah kebangsaan aliran Inggeris di mana Bahasa Melayu adalah mata pelajaran wajib, dan sekolah kebangsaan aliran Melayu di mana Bahasa Inggeris dipelajari sebagai bahasa kedua. Di samping itu, bahasa perantaraan Cina (Kon-Yu) dan Tamil juga diajari sekiranya terdapat lima belas atau lebih pelajar di dalam sesebuah bilik darjah yang memerlukannya. Di samping mewujudkan perubahan terhadap struktur sistem pendidikan vernakular yang telah wujud pada masa itu, Ordinan ini juga menyarankan supaya kurikulum pendidikan sedia ada dipinda semula supaya selaras dengan keperluan dan keadaan tempatan di Malaya.

Mata pelajaran sejarah amat penting sebagai satu kaedah untuk menanamkan semangat patriotisme di kalangan pelajar. Dengan memberi penekanan terhadap aspek-aspek penting di dalam sejarah negara, objektif-objektif kebangsaan akan dapat disebarluaskan melalui saluran di sekolah-sekolah.

Aminuddin Baki (1953) menggariskan beberapa prinsip asas yang harus wujud di dalam kurikulum sejarah di sekolah-sekolah.²⁶ Pertamanya, penekanan utama pengajaran dan pembelajaran Sejarah haruslah diberi terhadap situasi di Malaya. Perhatian khusus perlu diberi kepada sejarah sosial dan ekonomi negara untuk menunjukkan wujudnya kebergantungan budaya antara masyarakat berbilang kaum di Malaya dan juga untuk membolehkan pelajar-pelajar memahami hakikat bahawa pembangunan ekonomi masa kini adalah hasil daripada kerjasama dan hubungan harmoni di antara rakyat majmuk di negara ini.

Keduanya, penekanan perlu diberi kepada sejarah Malaya di dalam konteks hubungannya dengan negara-negara serantau Asia dan Dunia. Ini bertujuan untuk menyedarkan pelajar-pelajar terhadap betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh negara di dalam corak peradaban dunia dan bagaimana arus perkembangan dunia tersebut telah menyumbang kepada pembangunan tanahair. Ini adalah kerana sukatan-sukatan pelajaran Sejarah sebelum ini tidak memberi penekanan sewajarnya terhadap aspek sejarah dan pensejarahan tempatan. Walau bagaimanapun, Ordinan Pelajaran 1952 ini tidak dapat dilaksanakan kerana berlakunya kemelesetan ekonomi negara.

Penyata Razak tahun 1956 memberi penekanan kepada penerapan nilai-nilai

positif untuk perpaduan kaum. Penyata tersebut menyatakan bahawa kurikulum kebangsaan haruslah berunsurkan kehendak-kehendak tempatan atau *Malayan Outlook* yang mengarah kepada sistem kebangsaan. Matlamat akhirnya ialah untuk memupuk dan mengamalkan nilai-nilai yang akan mewujudkan identiti keMalaysiaan.

Penyata Razak (1956) telah mengemukakan syor yang sesuai bagi mewujudkan satu dasar pelajaran kebangsaan yang diterima oleh semua pihak. Penyata ini mencadangkan dua perkara yang menjadi teras pembangunan pendidikan, iaitu (i). Setiap kanak-kanak diberi peluang mendapatkan pelajaran dan (ii). Mewujudkan satu sistem pendidikan bagi membentuk masyarakat yang bersatu padu. Penyata ini juga mengutamakan unsur-unsur dan nilai-nilai perpaduan negara sebagai satu matlamat yang perlu dicapai untuk menjamin kesejahteraan dan kepentingan masyarakat majmuk di negara ini, sebagaimana yang dinyatakan:

" ... Tujuan dasar pelajaran di dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak dari semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar. Walaupun perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah dibuat dengan beransur-ansur. "(Penyata Razak, 1956. perenggan 12).

Adalah jelas bahawa Penyata Razak menandakan bermulanya usaha-usaha untuk menyatukan sistem pendidikan di negeri ini serta digariskan dengan jelas dasar yang berkaitan dengan nilai-nilai perpaduan. Kurikulum yang digunakan adalah kurikulum yang berteraskan keperluan Malaysia. Semua sekolah mengajar mata pelajaran yang sama berdasarkan sukatan pelajaran yang sama. Satu sistem peperiksaan kebangsaan yang sama juga diadakan. Pendidikan kewarganegaraan yang pada mulanya disebut

pendidikan sivik juga diajar sejak Darjah Enam. Berasaskan cadangan Penyata Razak, Ordinan Pelajaran 1957 di luluskan yang mewajibkan sukanan pelajaran yang sama digunakan untuk semua jenis sekolah. Di sekolah, murid-murid dibimbing dan dididik untuk membina sifat-sifat yang sihat dari segi ciri-ciri afektif individu yang meliputi perasaan, emosi, sentimen, sikap dan nilai. Sifat-sifat ini boleh membawa ke arah perpaduan negara.

Kesimpulannya, pendidikan Sejarah semasa zaman penjajahan British tidak berasaskan sebarang falsafah atau matlamat nasional. Sebaliknya, pendidikan Sejarah diperkenalkan semata-mata untuk memenuhi kepentingan dan matlamat kolonialisme British, terutamanya melalui perlaksanaan dasar pecah dan perintah di Tanah Melayu. Kurikulum Sejarah adalah berbeza mengikut jenis-jenis sekolah yang berlandaskan kaum ataupun bersifat vernakular. Di sekolah-sekolah Melayu, mata pelajaran Sejarah diletakkan sebagai mata pelajaran sampingan. Tujuan utama pembelajaran adalah untuk lulus peperiksaan dan pengajaran dan pembelajarannya membaca dan menghafal fakta-fakta semata-mata. Walaupun demikian, melalui luar bilik darjah mata pelajaran Sejarah turut menyumbang kepada lahirnya bibit-bibit nasionalisme di kalangan orang Melayu.

Pihak British tidak berminat untuk menyediakan pembangunan pembelajaran kepada penduduk tempatan Tanah Melayu. Oleh itu, didapati bahawa pihak British tidak memberi perhatian sewajarnya kepada kurikulum yang dijalankan disetiap jenis sekolah. Mata pelajaran Sejarah tidak terdapat di dalam jadual waktu sekolah-sekolah Melayu. Begitu juga dengan guru-guru tidak diberi latihan khusus untuk mengajar

matapelajaran Sejarah. Menurut Laporan Tahunan Pelajaran 1951, tidak terdapat guru Sejarah tersenarai dalam jumlah guru-guru sekolah Melayu hingga 30hb. September, 1951. Ketidakprihatinan British ini berterusan sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957.

1. Zurina Abdul Majid (1992). *Sejarah Malaysia Tingkatan 5*. Kurikulum Baru Sekolah Menengah. Kuala Lumpur: DPM, KPM. hlm. 46-47.
2. Ibid. hlm. 48.
3. Ibid. hlm. 49.
4. Robiah Sidin (1994). *Pendidikan Di Malaysia: Cabaran Untuk Masa Depan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, Sdn. Bhd. hlm. 10.
5. Halim Man (1980). Madrasah Khairiah Al-Islamiah Pokok Sena. Dalam Khoo Kay Kim et.al. peny. *Pendidikan Di Malaysia: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. hlm. 110
6. Ibid. hlm. 114.
7. Omar Mohd. Hashim (1992). *Falsafah Pendidikan Sejarah: Sejarah Dalam Pendidikan*. Persatuan Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur: DBP. hlm. 4
8. Khoo Kay Kim (1992). Perkembangan Pendidikan Sejarah. Dalam Omar Mohd. Hashim. *Falsafah Pendidikan Sejarah: Sejarah Dalam Pendidikan*. Persatuan Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur: DBP. hlm. 15.
9. Awang Had Salleh (1974). *Pelajaran dan Perguruan Melayu Di Malaya Zaman British*. Kuala Lumpur: DBP. hlm. 5.
10. Ibid. hlm. 11.
11. Ibid. hlm. 24.
12. Awang Had Salleh (1979). *Malay Secular Education and Teacher Training in British Malaya*. Kuala Lumpur: DBP. hlm. 24.
13. Ibid. hlm. 112.
14. Buyong Adil (1934). *Sejarah Alam Melayu: Persekututan Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Pejabat Karang Mengarang, SITC. hlm. iii.
15. Awang Had Salleh (1974). op. cit. hlm. 32.

16. Ibid. hlm. 114.
17. Ibid. hlm. 120.
18. Abu Bakar Nordin, et al. (2000). *SITC-UPSI Pelopor Pendidikan Bangsa*. Petaling Jaya: Addison Wesley Longman Malaysia Sdn. Bhd. hlm. 16.
19. Purcell, V. (1967). *The Chinese in Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. hlm. 167.
20. Abu Bakar Nordin, et al. (2000). op. cit. hlm. 83.
21. Fuziah Shafiee & Ruslan Zainuddin (2000). *Sejarah Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. hlm. 53.
22. Subadrah Madhavan Nair (1980). Sekolah Menengah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Bayan Lepas. Dalam Khoo Kay Kim, et al. peny. *Pendidikan Di Malaysia: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. hlm. 113.
23. Khoo Kay Kim (1992). et al. hlm. 45.
24. Ibid. hlm. 48.
25. Aminuddin Baki (1953). *The National School of Malaya: Its Problems, Proposed Curriculum and Activities*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. 11.
26. Ibid. hlm. 14.